



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CADANGAN TUKAR NAMA UPM KEPADA NAMA ASAL DIBAWA KE KABINET, NASIONAL, SH-3 SYOR KEMBALIKAN SEMULA NAMA ASAL UPM KE KABINET, NASIONAL, BH-5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	LEMBU BERKELIARAN ANCAM KESELAMATAN PENDUDUK, UM, FORUM-19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	LPP, JABATAN PENJARA TINGKAT KERJASAMA PROGRAM MAKANAN, NEGARA, KOSMO-15	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	TIADA ALASAN NAIKKAN HARGA IKAN-LKIM, DALAM NEGERI, UM-7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8.	400 HEKTAR KEBUN DURIAN DIMUSNAH, LOKAL, HM-17 97 PETANI DAPAT EX GRATIA, LOKAL, HM-17 PETANI RUGI, LEBIH 2,000 POKOK JAGUNG DITENGGELEMI BANJIR, NEGERI, SH-25	LAIN-LAIN
9.	97 PETANI SETINGGAN DI CHEMOR TERIMA EX GRATIA, NASIONAL, BH-21	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Cadangan tukar nama UPM kepada nama asal dibawa ke Kabinet

PUTRAJAYA - Cadangan untuk menukar semula nama Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada nama asalnya iaitu Universiti Pertanian Malaysia akan dikemukakan kepada Kabinet untuk dibincangkan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, beliau sendiri akan membawa cadangan itu ke Mesyuarat Kabinet tidak lama lagi, selepas mengambil kira keutamaan negara kini tertumpu kepada isu keterjaminan

makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

"Saya berhasrat begitu (tukar semula nama), sebab dulu asalnya memang nama Universiti Putra adalah Universiti Pertanian. Untuk kembali nama kepada Universiti Pertanian, saya ingat sesuai."

"Barangkali masa tukar nama dulu kita tidak fikir isu perubahan iklim dan cuaca, jadi sekarang pertanian sudah jadi isu dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa



MOHAMAD

selaraskan masa tukar nama Khamis.

Untuk rekod, nama universiti itu ditukar daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada

Bersatu (PBB) semua bincang pasal pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan terima kasih dan menjadi moderator pada sidang selari tujuh Sidang Idea

Malaysia (MyIDEAS) bertajuk Keterjaminan

Makanan yang disediakan oleh UPM di sini pada

Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997 bagi menggambarkan status UPM sebagai institusi pendidikan tinggi yang bukan sahaja menawarkan program pengajian dalam bidang pertanian sebaliknya pelbagai bidang lain terutamanya sains dan teknologi maklumat.

UPM yang kini mempunyai 14 fakulti pengajian menawarkan pelbagai program pengajian berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan, termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pertanian pintar. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	5



Mohamad (tengah) berucap pada Majlis Forum Sidang Idea Malaysia (MyIDEAS) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. (Foto ihsan FB Mohamad Sabu)

Syor kembalikan semula nama asal UPM ke Kabinet

Sebutan Universiti Pertanian Malaysia seiring fokus terhadap isu keterjaminan makanan ketika ini

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Cadangan menukar semula nama Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada nama asalnya, iaitu Universiti Pertanian Malaysia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata beliau akan membawa cadangan itu ke mesyuarat Kabinet tidak lama lagi, selepas mengambil kira keutamaan negara kini tertumpu kepada isu keterjaminan makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

"Saya berhasrat begitu sebab dulu asalnya memang nama Universiti Putra Malaysia ialah Universiti Pertanian Malaysia. Untuk kembali nama kepada Universiti Pertanian Malaysia, saya ingat sesuai.

"Barangkali masa tukar nama

dulu kita tidak fikir isu perubahan iklim.

"Jadi, sekarang pertanian sudah jadi isu dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semua bincang pasal pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ucapan dan menjadi moderator pada sidang selari tujuh Sidang Idea Malaysia (MyIDEAS) bertajuk 'Keterjaminan Makanan' yang diselenggarakan oleh UPM di sini semalam.

Ditukar pada April 1997

Nama universiti itu ditukar da-

ripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia pada April 1997 bagi menggambarkan status UPM sebagai institusi pendidikan tinggi yang bukan saja menawarkan program pengajian dalam bidang pertanian, sebaliknya pelbagai bidang lain terutama sains dan teknologi maklumat.

UPM yang kini mempunyai 14 fakulti pengajian menawarkan pelbagai program pengajian berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan, termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pertanian pintar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19



ADUAN rasmi berkaitan masalah lembu berkeliaran telah dibuat, namun tiada penyelesaian konkrit daripada pihak berwajib.

Lembu berkeliaran ancam keselamatan penduduk

MASALAH lembu berkeliaran yang menyebabkan kerosakan tanaman, ancaman keselamatan dan pencemaran persekitaran di Felda Lembah Klau, Raub, Pahang berlarutan lebih setahun. Aduan rasmi dibuat pada 14 November 2023 dan 9 Julai lalu, namun tiada penyelesaian konkrit daripada pihak berwajib.

Walaupun pemantauan dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dua minggu lalu, lembu-lembu ini terus berkeliaran, merosakkan tanaman, mencemarkan persekitaran dengan najis bertaburan di atas jalan serta mengundang bahaya kepada penduduk. Masalah ini membebankan penduduk yang bergantung kepada hasil pertanian dan turut menjejaskan kebersihan kawasan sekitar.

Lembu-lembu ini berkeliaran di kawasan rumah dan ladang, merosakkan tanaman seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil pertanian lain serta menimbulkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

Najis lembu bertaburan di atas jalan dan sekitar kawasan perumahan, menyebabkan bau busuk, kekotoran dan risiko kesihatan kepada penduduk, terutama kanak-kanak.

Tindakan tegas ke atas pemilik lembu yang cuai, mengikut peruntukan di bawah Akta Kawalan Kerbau dan Lembu 2001 serta Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Operasi bersepadu diperlukan melibatkan Jabatan Veterinar, polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menangkap lembu berkeliaran serta memastikan pemilik bertanggungjawab.

Kempen kesedaran perlu diadakan untuk pemilik ternakan mengenai tanggungjawab menjaga lembu. Dialog bersama penduduk dan pihak berkuasa untuk membincangkan langkah pencegahan dan penyelesaian isu ini.

Selain itu, bersihkan kawasan dengan menggerakkan pasukan kebersihan bagi membersihkan najis lembu yang bertaburan serta memastikan kawasan Felda kekal bersih dan selamat.

Masalah lembu berkeliaran ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan dan hasil tanaman penduduk, tetapi juga mencemarkan persekitaran dengan najis bertaburan. Ia memerlukan tindakan segera dan lebih tegas daripada pihak berkuasa. Dengan kerjasama dan penguatkuasaan yang lebih baik, kami yakin masalah ini boleh diselesaikan demi kesejahteraan penduduk Felda Lembah Klau.

ZAKARIA ISMAIL

Kampung FELDA Lembah Klau,
Raub, Pahang

LPP, Jabatan Penjara tingkat kerjasama program makanan

TAIPING – Sebanyak 12 tan hasil tanaman bawang merah jenis Baw-2 dijangka dapat dihasilkan dalam tanaman seluas 1.2 hektar di Pusat Koreksional Kamunting di sini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar berkata, projek tanaman bawang merah itu merupakan hasil kerjasama antara pihak LPP, Jabatan Penjara dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Batu Kurau yang dilaksanakan di Pusat Koreksional Kamunting baru-baru ini.

"Ia adalah program keterjaminan makanan negara dan program ini telah dilaksanakan di tujuh lokasi di seluruh negara iaitu Labuan, Perlis, Kuala Krai di Kelantan, Tuaran (Sabah), Kamunting (Perak), Jasin (Melaka) dan Sepang di Selangor.

"Antara projek yang telah dimulakan ialah tanaman

bawang merah dan sayur-sayuran dan ini merupakan satu usaha kita untuk mendekati pihak penjara untuk melakukan kerjasama pertama ini," katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Koreksional Kamunting di sini semalam.

Menurutnya, LPP bersedia untuk memperluaskan lagi kerjasama di kawasan lain di samping mengenal pasti beberapa projek lain seperti penternakan lembu, ikan keli dan lain-lain.

"Ini merupakan tanaman bawang merah yang pertama kita usahakan dengan pihak penjara dengan keluasan tanah 1.2 hektar dan mempunyai tenaga kerja yang agak mudah diperolehi.

"Tidak seperti di luar, kita kena cari tenaga kerja dengan bebanan yang besar, di sini (Jabatan Penjara) memudahkan kita semua untuk urusan terjaminan makanan," katanya.



MAHFUZ (dua dari kanan) ketika melawat Pusat Koreksional Kamunting di Taiping semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Tiada alasan naikan harga ikan - LKIM

PETALING JAYA: Peniaga tidak sepatutnya menjadikan alasan musim tengkujuh untuk menaikkan harga ikan berikutan sumber laut itu juga diperoleh dari pelbagai lokasi lain termasuk Pantai Barat yang tidak terjejas dengan cuaca buruk.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, peniaga tidak wajar mengambil kesempatan atas sentimen Monsun Timur Laut atau banjir untuk menaikkan harga.

Menurutnya, pendaratan ikan di Zon A (nelayan pantai dalam) juga kekal stabil serta bekalan dilihat mencukupi dan harga tidak seharusnya meningkat.

"Terdapat ikan import yang bekalannya tidak terjejas walaupun ketika monsun memandangkan beberapa spesies sudah diimport sebelum ini.

"Bekalan ikan dalam negara berada dalam kawalan, termasuk stok penimbal yang diuruskan oleh LKIM dan syarikat swasta," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, media melaporkan harga hasil laut terutama ikan di Kedah meningkat berikutan kekurangan tangkapan

sejak beberapa minggu lalu disebabkan perubahan cuaca akibat Monsun Timur Laut.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, tiada kawasan nelayan yang terjejas setakat hari ini dan ia akan terus disemak bagi memastikan pengedaran bekalan ikan berjalan lancar.

"Sebab banjir ini sering berlaku di pedalaman, bukan kawasan laut. Jadi, penangkapan ikan berjalan seperti biasa," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, harga ikan kekal stabil seperti biasa memandangkan aktiviti penangkapan ikan berjalan lancar.

Katanya, setakat ini stok ikan tersedia untuk diagihkan kepada pengguna sekiranya berlaku sebarang masalah.

"Nelayan masih boleh beroperasi ke laut dan stok ikan juga masih mencukupi. Jadi, tiada masalah besar berkaitan bekalan buat masa ini.

"Kami yakin dengan persediaan yang ada termasuk kerjasama dengan pihak kementerian, untuk memastikan bekalan dan harga ikan terkawal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17

TANAH MILIK KERAJAAN PAHANG DI BENTONG DICEROBOH

400 hektar kebun durian dimusnah

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Apa sudah jadi apabila tanah seluas 400 hektar milik kerajaan Pahang diceroboh secara haram untuk penanaman durian.

Kegiatan haram itu bagaimanapun berjaya dikesan kerajaan Pahang di kawasan Sungai Perdak, Mukim Sabai, Bentong, kelmarin.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, aktiviti terbabit dikesan hasil daripada serbuan dilakukan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) yang turut menyita rumah dan peralatan di kawasan berkenaan.

Katanya, berdasarkan serbuan, kawasan itu terletak di kawasan tersorok

antara Hutan Simpan Kekal Lentang Tambahan dan bersempadanan dengan tanah Negeri Sembilan.

"Hasil siasatan mendapati kawasan itu sudah ditanam dengan pokok durian. Sebagai langkah tegas, saya sudah mengarahkan UPNP untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

"Malah, saya juga mengarahkan pokok durian yang ditanam di atas tanah kerajaan itu dimusnahkan bagi memastikan aktiviti pencerobohan tidak terus berlaku.

"Hasil siasatan mendapati kawasan itu sudah ditanam dengan pokok durian. Sebagai langkah tegas, saya sudah mengarahkan UPNP untuk mengambil tindakan penguatkuasaan"

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

"Kerajaan Pahang memandang serius aktiviti ini dan tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan mengikut Seksyen 426A(1)(c) Kanun Tanah Negara (Akta 828)," katanya, semalam.

Dalam kes itu, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang tanah dan mencemarkan integriti sumber alam negeri itu.

Katanya, aktiviti pencerobohan seperti itu bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi boleh

memberikan impak buruk kepada alam sekitar dan komuniti setempat.

"Saya ingin menegaskan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penerokaan tanah secara haram akan dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

"Kerajaan Negeri akan memastikan semua tanah milik kerajaan dipelihara demi kepentingan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

"Pada masa sama, kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan sebarang aktiviti penerokaan haram amatlah dihargai.

"Oleh itu sama-sama kita memastikan Pahang terus terpelihara dan bebas daripada aktiviti pencerobohan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17



LOH (tengah baju putih) bersama petani pada Majlis Pengesahan dan Penyerahan Ex-Gratia di sebuah hotel di Ipoh. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

97 petani dapat ex gratia

Ipoh: Selepas hampir 20 tahun, isu pencerobohan tanah kerajaan oleh pertanian setinggian di Kanthan, Chemor di sini, berjaya diselesaikan menerusi penyerahan *ex gratia* kepada 97 petani.

Wang ihsan itu disumbangkan syarikat pemaju, Advancecon Holdings Berhad yang akan membangunkan projek Silver Valley Technology Park (SVTP) di kawasan seluas 330 hektar itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri, Loh Sze Yee bagaimanapun berkata, nilai keseluruhan *ex gratia* itu tidak boleh didedahkan kepada

umum atas persetujuan bersama pihak petani.

"Mengikut undang-undang, kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membayar (pampasan kepada setinggian).

"Namun, kerajaan negeri memahami keadaan dan keperluan rakyat, kita bukan kerajaan zalim.

"Selepas perbincangan bersama pelbagai pihak termasuk pemaju, kita dapat persetujuan supaya petani mendapat bayaran *ex gratia* dan memastikan pembangunan projek SVTP dapat dilaksanakan mengikut jadual," katanya selepas Majlis Pengesahan dan Penyerahan Ex-Gratia di sebuah hotel, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Sandrea Ng Shy Ching dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PK-NPk) Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Pemaju diwakili Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Kewangan Advancecon Tan Chee Keong.

Pada majlis itu, Loh menyerahkan wang *ex gratia* kepada 20 petani sebagai simbolik, manakala baki 77 petani lagi akan menerimanya melalui transaksi dalam talian ke dalam akaun bank masing-masing, mulai 2 Disember ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Petani rugi, lebih 2,000 pokok jagung ditenggelami banjir

PASIR MAS - Seorang petani berputih mata apabila lebih 2,000 batang pokok jagung yang ditanam olehnya di Kampung Slow Teliar di sini, ditenggelami banjir pada Khamis.

Muhammad Yunus, 51, berkata, jagung itu sepatutnya dituai pada awal Disember ini, namun hujan berterusan menyebabkan kawasan itu ditenggelami banjir sedalam 0.6 meter.

"Tanaman ini saya usahakan sejak lima tahun lalu dan ini merupakan kali pertama ia ditenggelami banjir.

"Sebelum ini kawasan seluas 0.48 hektar itu sering tenggelam setiap kali musim tengkujuh, namun tidak setinggi ini

parasnya.

"Melihat kepada keadaan cuaca dan hujan berterusan, kami jangka kesemua jagung ini tidak akan dapat diselamatkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Muhammad, situasi itu menyebabkan dia buntu memikirkan modal pusingannya yang hangus.

MEJA BULAT

Diskusi Mencipta Resolusi

SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:
**SELEPAS 60 TAHUN,
DI MANA SILAPNYA?**



IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	25

97 petani setinggian di Chemor terima ex gratia

Ipoh: Isu pencerobohan tanah kerajaan yang berlarutan sejak 20 tahun lalu di kawasan Kanthan dekat Chemor di sini, akhirnya selesai menerusi pembayaran ex gratia kepada 97 petani setinggian.

Wang ihsan itu disumbangkan syarikat pemaju, Advancecon Holdings Berhad yang akan membangunkan projek Silver Valley Technology Park (SVTP) membabitkan kawasan tanah seluas 330 hektar di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri, Loh Sze Yee, berkata nilai keseluruhan ex gratia itu tidak boleh didedahkan kepada umum atas persetujuan bersama pihak petani.

"Mengikut undang-undang, kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membayar (pampasan kepada setinggian), namun memahami keadaan dan keperluan rakyat, kita bukan kerajaan yang zalim.

"Selepas perbincangan bersama pelbagai pihak termasuk pemaju, kita dapat persetujuan supaya petani mendapat bayaran ex gratia dan memastikan pembangunan projek SVTP dapat dilaksanakan mengikut jadual," katanya selepas Majlis Pengesahan dan Penyerahan Ex-Gratia di Hotel Casuarina@Meru, di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perak, Sandra Ng Shy Ching dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Pihak pemaju diwakili Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Kewangan Advancecon, Tan Chee Keong.

Pada majlis itu, Sze Yee menyerahkan wang ex gratia kepada 20 petani sebagai simbolik, manakala baki 77 petani lagi akan menerima wang ihsan itu menerusi transaksi dalam talian ke akaun bank masing-masing, mulai 2 Disember ini.

Terdahulu, sekumpulan petani dari Kanthan mengadakan protes di luar bangunan Parlimen di Kuala Lumpur pada 12 September tahun lalu menggesa Kerajaan Persekutuan campur tangan dalam rancangan kerajaan Perak menukar kebun mereka menjadi kawasan perindustrian.

Ditanya sama ada penyelesaian ex gratia akan dilaksanakan bagi situasi setinggian atas tanah kerajaan di lokasi lain, Sze Yee menjelaskan, perkara itu tertakluk kepada perbincangan di antara pemaju dengan mereka yang menduduki secara tidak sah.